

**SEGERA DENGAN FAKS**

Ruj. Kami : JPN.PT:163/2/3/1Klt.33 (10)  
Tarikh : 25 Februari 2015

**Ketua Pengarang  
Sinar Harian**

Tuan,

**MAKLUMBALAS ADUAN AKHBAR SINAR HARIAN BERTAJUK “PASANGAN MAHU BANTUAN KEWANGAN” BERTARIKH 23 FEBRUARI 2015 KHAMIS – M.S: 37**

Dengan segala hormatnya, saya diarah merujuk kepada aduan mengenai perkara di atas.

2. Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) ingin menjelaskan isu yang diutarakan oleh Puan Sharifah Mustafa berkenaan anaknya yang tidak memiliki Sijil Kelahiran.
3. Untuk makluman, Puan Sharifah Mustafa telah dihubungi oleh wakil JPN Alor Setar dan menasihatkan beliau untuk tampil dan hadir ke JPN yang berhampiran tempat tinggal beliau bagi mengemukakan permohonan Daftar Lewat Kelahiran bagi anak beliau.
4. Ingin dijelaskan, pendaftaran kelahiran di Malaysia wajib didaftarkan mengikut peruntukan perundangan. Sehubungan dengan itu pendaftaran daftar lewat kelahiran anak beliau perlu dikemukakan segera bagi membolehkan JPN memproses dan dipertimbangkan berdasarkan Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 1957 (Akta 299).

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menurut perintah.

**(FARA MAYA BINTI AHMAD JELANI)**

Pegawai Perhubungan Awam,  
b.p Ketua Pengarah,  
Jabatan Pendaftaran Negara,  
Malaysia.

☎ : 03-88807077

☎ : 03-88808288

✉ : [pro@jpn.gov.my](mailto:pro@jpn.gov.my)

- s.k.:
1. YBhg. Dato' KPPN
  2. YBhg. Datin Seri TKPPN (P)
  3. YBrs. Tuan TKPPN (O)
  4. YBrs. Tuan TKPPN (ICT)